

Hakisan ancam rumah

Oleh SYED AHMAD ZULKARNAIN SYED ALI
zulkarnain.ali@kosmo.com.my

REMBAU - Penduduk Kampung Bemban dekat sini bimbang memikirkan keselamatan diri dan keluarga ekoran rumah mereka diancam hakisan Sungai Bemban yang semakin serius.

Salah seorang penduduk, Wahab Rashid, 66, berkata, rumahnya hanya terletak kira-kira 20 meter dari tebing sungai berkenaan.



WAHAB

Katanya, hakisan yang bermula sejak November tahun lalu itu menyebabkan tanamannya pokok pisang dan limau musnah.

"Selepas beberapa kali saya membuat aduan, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri akhirnya membina benteng menggunakan buluh baru-baru ini.

"Bagaimanapun, masalah itu tidak selesai kerana benteng buluh itu tidak mampu menghalang aliran air sungai yang naik mendadak semasa musim hujan," katanya di sini semalam.

Ujarnya, pegawai JPS memintanya



WAHAB menunjukkan masalah hakisan di tebing sungai yang terletak kira-kira 20 meter dari rumahnya di Rembau semalam.

bersabar kerana pada masa ini tiada peruntukan untuk membina benteng daripada simen.

"Berapa lama lagi saya mahu menunggu kerana hakisan itu semakin teruk dan saya bimbang akan menjejaskan rumah yang saya diami bersama tujuh ahli keluarga," jelasnya.

Seorang lagi penduduk yang eng-

gan dikenali berkata, hakisan itu boleh membahayakan nyawa penghuni beberapa buah rumah yang terletak berhampiran tebing sungai tersebut.

"Saya merayu pihak berkuasa supaya mengatasi masalah itu dengan segera dan tidak menunggu sehingga keadaan menjadi lebih buruk," katanya.